

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG**  
**[ TANJONG PIAI ]**  
**TARIKH : 20.10.2016 (KHAMIS)**

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan garis panduan ataupun mekanisme yang telah ditubuhkan oleh Kementerian untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti "Multi-level-marketing" atau MLM dan melindungi hak pengguna daripada diambil kesempatan oleh syarikat-syarikat MLM yang tidak bertanggungjawab.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mengawal selia industri jualan langsung berdasarkan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid (AJLSAP) 1993. Setiap syarikat yang ingin menjalankan perniagaan jualan langsung perlu terlebih dahulu memperolehi lesen jualan langsung selaras dengan Seksyen 4(1) AJLSAP 1993 yang menyatakan bahawa, *“tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa perniagaan jualan langsung melainkan jika ia suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan memegang lesen yang sah yang diberikan di bawah seksyen 6 AJLSAP 1993”*.

Permohonan daripada syarikat untuk mendapatkan lesen jualan langsung akan dipertimbangkan oleh KPDNKK sekiranya syarikat mematuhi garis panduan permohonan lesen jualan langsung yang berkuatkuasa. Antara kriteria-kriteria yang diambil kira ialah seperti berikut:

- (i) Syarikat hendaklah mengemukakan pelan pemasaran yang tidak mempunyai unsur-unsur skim piramid. Pemegang lesen jualan langsung juga tidak dibenarkan untuk meminda mana-mana bahagian dalam pelan pemasaran yang telah diluluskan untuk tempoh selama dua (2) tahun selepas beroperasi. Ini bertujuan bagi memastikan syarikat jualan langsung tidak memanipulasi pelan pemasaran yang diluluskan oleh Kementerian dan juga melindungi ahli serta pengguna daripada unsur penipuan;
- (ii) Produk atau perkhidmatan yang ingin dipasarkan perlu mempunyai kekuatan tersendiri yang menyukarkannya dipasarkan melalui sistem penjualan biasa ataupun produk yang memerlukan penerangan secara terperinci oleh juru jual; dan
- (iii) Keutamaan akan diberi kepada barangan yang mendapat pengiktirafan dan kelulusan dari segi kualiti dan keselamatan barangan seperti *ISO 9000*, SIRIM dan halal. Produk dari kilang yang mendapat

mengiktirafan *Good Manufacturing Practices* juga merupakan satu keutamaan.

Selain daripada itu, KPDNKK juga akan melakukan pemantauan dengan menjalankan naziran ke atas premis pemegang lesen jualan langsung khususnya selepas enam (6) bulan lesen dikeluarkan dan bagi memastikan pemegang lesen mematuhi ketetapan yang digariskan di bawah AJLSAP 1993.